

NO. SOALAN: 19

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD.
RAHMAN [TANJONG MANIS]**

TARIKH : 26 OKTOBER 2017 (KHAMIS)

SOALAN:

Datuk Hajah Norah Binti Abd. Rahman [Tanjong Manis] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan selain daripada memberikan pengiktirafan, apakah tindakan dan insentif dari JAKIM bagi membantu 'Halal Certification Body (HCB)' yang melibatkan tenaga kerja tempatan untuk membuka pejabat operasi mereka di luar negara.

**JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN
HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) turut memberikan pengiktirafan kepada Badan Pensijilan Halal Luar Negara. Pengiktirafan ini dilaksanakan berdasarkan kepada Prosedur Pelantikan Badan Pensijilan Halal Luar Negara terhadap badan pensijilan halal luar negara bagi memastikan bahan

mentah dan produk import yang dipasarkan di Malaysia diyakini status halal.

Bagi memastikan kemampuan Badan Pensijilan Halal Luar Negara ini dapat dipertingkatkan dan memenuhi kriteria serta piawaian Halal Malaysia, Kerajaan melalui JAKIM dari semasa ke semasa menganjurkan program-program pemerkasaan dan pembangunan kapasiti antaranya *Halal Certification Bodies Convention*, *Halal Certification Bodies Enhancement Programme* dan *Syariah and Technical Halal Awareness Programme*.

Dalam masa yang sama, di bawah hala tuju Majlis Halal Malaysia (MHM), salah satu inisiatif diwujudkan untuk menerajui program pembangunan modal insan berkaitan halal di bawah program *Malaysia International Halal Academy (MIHA)*. Ia bertujuan untuk memperkasa landskap ekosistem Halal melalui program pembangunan kapasiti halal agar sentiasa relevan dengan senario semasa melalui pelaksanaan latihan sama ada di dalam mahupun di luar negara.

MIHA juga akan membuat perkongsian kepakaran dan pemerkasaan serta pengantarabangsaan ekosistem halal Malaysia di peringkat global bersama-sama rakan strategik dengan agensi-agensi antarabangsa. Untuk tahun 2017, JAKIM telah menandatangani dua (2) memorandum persefahaman antaranya :-

- i. memorandum persefahaman di antara Oceania Halal Academy dan Aladdin Street Dotcom Sdn Bhd bersama Lanzhou New Area Free Trade Zone; dan
- ii. pertukaran Letter of Intent (LOI) antara JAKIM dan Halal Japan Corporation Co Ltd serta Memorandum Persefahaman (MOA)

33

antara Enertech Supplies And Services Sdn Bhd, JCP Professional Services Sdn Bhd dan Global Haltech (GH) Sdn Bhd With Halal Japan Corporation Co Ltd sebagai rakan strategik.

Melalui program seumpama ini ia dapat meningkatkan usaha pemasaran produk halal Malaysia di negara tersebut di samping promosi terhadap pensijilan halal di luar negara. MIHA juga turut melatih institusi / organisasi dalam negara sebagai pemudahcara untuk mempromosi Halal Malaysia kepada syarikat di luar negara untuk mendapatkan SPHM bagi produk dan perkhidmatan yang ditawarkan.

Sekian, terima kasih.